

"Hanya menaip ayat yang membawa makna lucu sudah cukup membangkitkan nafsu seksual pelaku yang mengenali satu sama lain atau tidak, seterusnya bersemuka untuk tujuan romantis
Dr Siti Aishah Hassan

OMONGAN NAFSU ALAM MAYA

■ Kajian 7 tahun dedah 82 peratus wanita berusia 35 hingga 50 tahun aktif terbabit seks siber

Garret Dawum
garret@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 82 peratus wanita berusia 35 hingga 50 tahun di Malaysia mengaku terbabit dalam kegiatan seks siber iaitu aktiviti suka-suka terutama berbual-bual dalam talian mengenai sesuatu yang berbau lucu termasuk juga menghantar mesej, gambar dan video lucu.

Dapatan itu adalah berdasarkan satu kajian ilmiah yang dijalankan selama tujuh tahun di negara ini.

Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Siti Aishah Hassan yang menemui fakta itu menerusi kajian empirikal Model Intervensi Psiko-sex Islam berkata, dapatan berkenaan diperoleh dalam fasa kedua kajiannya.

Menurutnya yang memenangi pingat emas sempena Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi 2016 (PRPI2016) UPM, wanita yang membabitkan diri dalam aktiviti itu kerana ingin mencari pasangan hidup dan suka-suka melalui perbualan dalam talian atau berhubung secara sexting.

"Kajian ini dijalankan sejak 2008 membabitkan tujuh fasa menggunakan kaedah korelasi, fenomenologi dan eksperimen. Responden berjumlah 1,399 orang terdiri daripada pelajar, orang awam, mahasiswa, suami isteri, kekasih dan remaja hamil di pusat perhulihan.

"Hasil kajian mendapati majoriti wanita mengaku mereka mudah terdedah dengan hubungan secara maya bagi mendapat kepuasan seksual secara fantasi bagi satu pihak atau kedua-dua pihak," katanya ketika ditemui di pejabatnya di UPM.

Beliau berkata, pelaku seks siber ini biasanya terdiri daripada orang yang sudah berkahwin atau yang masih bujang.

"Orang bujang ingin mencuba, tetapi belum bersedia melakukan komitmen perkahwinan. Orang yang sudah berkahwin pula melakukannya kerana ingin melakukan sesuatu yang baru, terlarang dan lebih teruja di luar perkahwinan mereka.

"Ada juga wanita yang membabitkan diri dalam seks siber ini kerana pengalaman hidup sama ada tidak berpuas hati dengan pasangan atau bercerai sehingga mahu menjadikan seks siber sebagai keperluan memenuhi nafsu," katanya.

Katanya, keberanian wanita membabitkan diri dalam seks siber kerana mereka hanya menggunakan nama samaran dan ada pula menggunakan imej orang lain semata-mata mendapat keseronokan fantasi seks.

"Menerusi kajian itu, kemudahan seperti telefon bimbit memberikan akses mudah dalam komunikasi jarak jauh. Terdapat juga aplikasi mudah alih 'shake and drift bottle' yang membolehkan pengguna berkenalan dengan orang yang tidak dikenali sama ada di lokasi yang berhampiran atau jauh yang kebanyakan pengunannya berusia 25 tahun ke bawah.

"Hanya menaip ayat yang membawa makna lucu sudah cukup membangkitkan nafsu seksual pelaku yang mengenali satu sama lain atau tidak, seterusnya bersemuka untuk tujuan romantis," katanya.

Tambahnya, penggunaan model intervensi yang menggunakan pendekatan psiko-spiritual Islam itu sudah dibuktikan keberkesanannya secara empirikal dalam membantu membaiki kesihatan mental dan kepuasan perkahwinan.

"Selalunya, seks siber ini membabitkan orang ketiga dan ia akan menjejaskan perkahwinan. Wanita yang melayan perbualan seks ini biasanya wanita yang terabai dari segi emosi, apabila suami terlalu sibuk, atau tidak ada masa untuk melayannya," katanya.

Bagaimanapun, katanya, terdapat juga responden lelaki yang sudah berkahwin mengaku menjadikan alam siber sebagai medium untuk mencari pasangan untuk 'makan luar'.

“Ada juga wanita yang membabitkan diri dalam seks siber ini kerana pengalaman hidup sama ada tidak berpuas hati dengan pasangan atau bercerai sehingga mahu menjadikan seks siber sebagai keperluan memenuhi nafsu”

Dr Siti Aishah Hassan